

MEDIA	HARIAN METRO	DATE	24 OCT 2013 (THURS)
PAGE / SECTION	7 / LOCAL NEWS	READERSHIP	1,068,000

Sabar dengan kerenah pesakit

Kuala Lumpur: “Ketika bertugas, jururawat perlu bersabar dengan kerenah pesakit yang tidak menentu dan jangan sesekali ikutkan emosi,” kata penerima Anugerah Perkhidmatan Vokasional Negeri Selangor, Siti Fatimah Basir, 41.

Siti Fatimah antara lima penerima lain yang dinilai prestasinya serta mendapat maklum balas positif daripada penyelia dan pesakit ketika menjalankan tugas sebagai jururawat di unit dialisis.

“Apabila di hospital kerajaan, saya bertemu dengan pesakit yang berbeza ketika bertugas, namun apabila di unit dialisis saya akan berurusan dengan pesakit sama.

“Satu kelebihan apabila berkhidmat untuk pesakit yang sama ialah saya menjadi lebih fokus dalam memberi layanan terbaik supaya pesakit selesai,” katanya pada majlis Anugerah Penghargaan Vokasional oleh Kelab Rotary, di sini.

Bagi Hazlina Helmi, 42, dia

menjadikan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan di St John Ambulance, Rawang seperti ahli keluarga sendiri.

“Saya perlu memantau enam pesakit pada masa sama dalam satu sesi rawatan dialisis selama empat jam.

“Tiada salahnya jika kita cuba menjadikan pesakit seperti ahli keluarga sendiri kerana kita akan berjumpa mereka sepanjang hidup mereka,” katanya yang sudah berkhidmat dalam unit dialisis selama 13 tahun.



PRESIDEN Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) Kapten H S Dharan (tiga dari kanan) melihat sijil Anugerah Penghargaan Vokasional Negeri Selangor yang diterima jururawat.